

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENGURUSAN AIR DALAM SISTEM PENGAIRAN,
SATU KAJIAN KES DI SKIM PENGAIRAN KRIAN, PERAK

OLEH

CHEN CHEE HOCK

PENYELIA

PUAN NG BAN LIAN

LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN

DARIPADA SYARAT-SYARAT IJAZAH SARJANA

MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN,

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

1HB. FEBRUARI, 1985

Abstrak

Kajian ini adalah berdasarkan satu kajian kes pengurusan air di skim pengairan Krian, Perak. Skim ini, yang tertua sekali di Malaysia telah dilaksanakan sejak tahun 1906 oleh pentadbiran British. Selepas 1932, DID (Drainage and Irrigation Department) telah mengambil alih pentadbiran pengurusan air di skim ini dan berikutan itu beberapa fasa perkembangan telah dapat diperhatikan. Di antara pelaburan yang dibuat pada akhir tahun 1970an adalah Projek Pembangunan Pertanian Krian - Sungai Manik, yang telah memelan belanja kos sebanyak \$239 juta. Objektif utama adalah untuk meningkatkan taraf kehidupan petani dan salah satu caranya adalah dengan membaiki struktur rangkaian pengairan yang sedia wujud.

Memandangkan pelaburan yang begitu banyak disuntikkan terhadap skim pengairan ini, maka satu kajian adalah perlu untuk melihat akan perkembangan yang telah dicapai khasnya sistem pengurusan air. Di antara bidang yang dikaji adalah bagaimana air diuruskan seperti anggaran keperluan air, sistem pengagihan air, pengawalan air dan keputusan jadualwaktu pengairan. Juga menentukan siapakah yang menguruskan air ini, iaitu struktur organisasinya, tanggungjawab dan peranan mereka serta perlaksanaan tugas-tugas. Daripada kajian yang telah dibuat, didapati pengurusan air di skim pengairan Krian menghadapi berbagai masalah, di antaranya ialah tingkahlaku petani, kekurangan sumber keewangan dan gunatenaga, kesusahan dalam kerja pengendalian dan pemeliharaan dan akhir sekali gangguan-gangguan yang timbul daripada kerja pembinaan.